

# Penyakit kanser dapat diubati

## Menerusi teknologi perubatan terkini, 80 peratus penghidap dipulihkan

Oleh Rusnan Mustafa

**KOTA SAMARAHAN:** Kanser kini bukan lagi penyakit yang tidak dapat diubati kerana 75 hingga 80 peratus penghidap kanser berjaya dipulihkan.

Pakar Kanser Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Profesor Dr Henry Rantai Gudum berkata kini terdapat rawatan menggunakan teknologi perubatan terkini untuk membunuh sel kanser ini.

“Kanser banyak jenis seperti leukimia, 75 peratus hingga 80 peratus dapat dipulihkan sekiranya dikesan di peringkat awal dan men-

jalani rawatan berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian kempen ‘Go Bald’ Bantu Kanak-kanak Melawan Kanser anjuran Persatuan Pengurus UNIMAS dan Persatuan Kanser Kanak-kanak Sarawak (SCCS) di DeTAR PUTRA UNIMAS semalam.

“Kalau zaman dahulu penyakit ini memang sukar untuk diubati atau dikesan kerana kita tidak mempunyai teknologi perubatan yang canggih tetapi sekarang ini ia mampu ditangani,” tambahnya.

Menurut Henry, untuk

itu orang ramai perlu sedar betapa pentingnya melakukan pemeriksaan kesihatan bagi mengesan penyakit berkenaan di peringkat awal lagi.

Malah, beliau turut menggesa pesakit menjalani rawatan susulan seperti kemoterapi dan radioterapi agar tidak takut.

Katanya, prihatin terhadap masalah itu, UNIMAS menerusi Persatuan Pengurus UNIMAS dengan kerjasama SCCS menganjurkan kempen Go Bald bagi memupuk kesedaran di kalangan pelajar mahupun orang ramai.

Dalam majlis itu, walaupun tempoh pendaftaran baharu

sahaja dibuka, tidak sampai 30 minit lebih 50 orang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UNIMAS menyertai kempen itu dengan membotakkan kepala mereka.

Selain itu, Henry turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM5,000 daripada UNIMAS kepada SCCS bagi menambah dana persatuan itu dalam bersama-sama membantu kanak-kanak penghidap kanser di negeri ini.

Hadir sama Presiden SCCS Mohd Rizal Sahari, Presiden Persatuan Pengurus UNIMAS Zulkarnaen Ali, Pengarah Program Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman dan tetamu kehormat lain.

“Kanser banyak jenis seperti leukimia, 75 peratus hingga 80 peratus dapat dipulihkan sekiranya dikesan di peringkat awal dan menjalani rawatan berterusan.”

Profesor Dr Henry Rantai Gudum  
Pakar Kanser UNIMAS